

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90**

Mac/April 1990

AKU 402 - Percukaian

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **ENAM** soalan: **SEMUA** soalan daripada Bahagian A dan **TIGA** soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Encik Yasin dan isteri beliau Puan Zailah telah bermastautin di Malaysia pada tahun asas 1989. Mereka tinggal di Pulau Pinang bersama-sama dengan kedua-dua anak mereka, Nasir Yasin (umur 14 tahun) dan Azmi Yasin (umur 10 tahun). Puan Zailah bekerja sebagai Pengurus Kredit di Bank Bumiputra. Pada tahun 1989 gaji serta bonos Puan Zailah (sebelum ditolak caruman KWSP) ialah \$50,000. Caruman KWSP beliau adalah 9%.

Pada tahun 1989 pendapatan-pendapatan yang Encik Yasin perolehi dari Malaysia (serta butir-butir yang berkaitan) adalah seperti berikut:

Perniagaan A

Pendapatan kasar	\$160,000
Tolakan-tolakan dibenarkan	\$ 50,000
Baki elauan modal dipindah dari tahun 1988	\$ 8,000
Baki kerugian larasan dipindah dari tahun 1988	\$ 10,000
Jumlah elauan modal (bagi tahun 1989)	\$ 12,000
Jumlah caj imbangan (bagi tahun 1989)	\$ 25,000

...2/-

AKU 402

Perniagaan B

Pendapatan kasar	\$100,000
Tolakan-tolakan dibenarkan	\$110,000
Jumlah caj imbangan	\$ 40,000
Jumlah elaun modal	\$ 15,000

Perniagaan C

Pendapatan kasar	\$ 80,000
Tolakan-tolakan dibenarkan	\$ 50,000
Baki elaun modal dipindah dari tahun 1988	\$ 25,000
Jumlah elaun modal (bagi tahun 1989)	\$ 20,000
Jumlah caj imbangan (bagi tahun 1989)	\$ 10,000

Perniagaan D

Pendapatan kasar	\$ 50,000
Tolakan-tolakan dibenarkan	\$ 18,000
Baki kerugian larasan dipindah dari tahun 1988	\$ 35,000
Baki elaun modal dipindah dari tahun 1988	\$ 3,000
Jumlah elaun (bagi tahun 1989)	\$ 7,000

Sewa (rumah di Bayan Baru)

Pendapatan kasar	\$ 24,000
Tolakan-tolakan dibenarkan	\$ 6,000
Baki kerugian larasan dipindah dari tahun 1988	\$ 5,000

Sewa (rumah di Pulau Tikus)

Pendapatan kasar	\$ 18,000
Tolakan-tolakan dibenarkan	\$ 20,000

Sewa (tanah di Balik Pulau)

Pendapatan kasar	\$ 40,000
Tolakan-tolakan dibenarkan	\$ 12,000

...3/-

Hasil dividen seperti berikut:

- (i) \$26,000 (bersih) dari Bintang Utara Bhd. sebuah syarikat di Alor Setar.
- (ii) \$22,000 (kasar) dari Unitek Bhd. di Pulau Pinang, sebuah syarikat diberi taraf perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.
- (iii) \$39,000 dari Bukit Merah Bhd. di Kelantan. Syarikat ini membayar dividen tanpa mengikut sejumlah walaupun diwajibkan (di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan 1967).

Hasil faedah seperti berikut:

- (i) Akaun simpanan kira-kira di Bank Pertanian Malaysia. Pokok simpanan bagi sepanjang tahun 1989 ialah \$25,000 dengan kadar faedah 9% setahun. Apabila Bank Pertanian Malaysia membayar faedah sejumlah yang wajib diikat (mengikut Seksyen 109C, ACP) telahpun ditolak.
- (ii) Encik Yasin memberi pinjaman \$100,000 kepada seorang kawan beliau di Pulau Pinang. Faedah atas pinjaman ini adalah \$4,000 bagi tahun 1989.

Pada tahun 1989 Encik Yasin juga menerima (di Malaysia) pendapatan-pendapatan yang berikut dari luar Malaysia:

- | | | |
|-------|---|----------|
| (i) | Sewa (rumah di Negeri Thai) | \$15,000 |
| (ii) | Sewa (rumah di Singapura) | \$20,000 |
| (iii) | Faedah (dari Bank di Australia atas simpanan tetap 15 bulan)
Jumlah faedah bagi tahun 1989
ialah: | \$20,000 |
| (iv) | Royalti (dari Indonesia atas hasil karangan sebuah buku) | \$15,000 |

AKU 402

Berikut ialah maklumat-maklumat tambahan bagi tahun 1989:

	Encik Yasin	Puan Zailah
Derma kepada sebuah parti politik	\$30,000	Tiada
Derma kepada Kerajaan Negeri Perak	\$20,000	\$ 5,000
Premium insurans nyawa Jumalh yang diisuranskan	\$10,000 \$90,000	\$ 4,200 \$70,000
Bayaran zakat	\$15,000	\$ 1,000

Perhatian: Puan Zailah memilih taksiran berasingan.

Dikehendaki:

Bagi tahun taksiran 1990, tentukan jumlah cukai pendapatan, cukai keuntungan berlebihan serta cukai kemajuan yang kena dibayar oleh Encik Yasin dan Puan Zailah.

[25 markah]

2. Encik Hanifa merupakan seorang rakyat Singapura. Beliau selalu datang ke Johor Bahru untuk lawatan sosial serta urusan rasmi. Berikut ialah tempoh-tempoh beliau berada di Johor Bahru:

Dari 1/4/1988	hingga	30/4/1988
Dari 1/8/1988	hingga	31/1/1989
Dari 1/5/1989	hingga	31/5/1989

Perhatian: bagi tahun taksiran 1987 beliau tidak bermastautin di Malaysia.

Pada 1 Februari, 1987, Encik Hanifa memberi pinjaman berjumlah \$200,000 (dengan kadar faedah 9% setahun) kepada Encik Kassim Kamil. Pinjaman \$200,000 ini digunakan oleh Encik Kassim untuk membeli sebuah rumah kediaman di Singapura. Pokok pinjaman \$200,000 ini dibayar balik pada 30 September, 1989.

...5/-

AKU 402

Encik Kassim juga seorang rakyat Singapura, tetapi beliau mempunyai sebuah firma di Johor Bahru yang dikenali sebagai AJENSI K-K. Walaupun semua bayaran faedah (atas pinjaman \$200,000 ini) dibayar kepada Encik Hanifa di Singapura, bayaran ini dicaj kepada keuntungan perniagaan dalam akaun untung rugi AJENSI K-K.

Adalah didapati bahawa hasil faedah digunakan oleh Encik Hanifa untuk membeli syer-syer syarikat Jurung Co. Ltd. dan juga disimpan dalam akaun-akaun bank seperti berikut:

- 10/1/1988 - membeli \$10,000 syer Jurung Co. Ltd., Singapura.
- 1/7/1988 - simpan \$5,000 dalam akaun simpanan tetap di Bank Bumiputra, Johor Bahru. Kadar faedah = 6% setahun. Tempoh simpanan adalah 9 bulan.
- 1/8/1989 - simpan \$12,000 dalam akaun kira-kira (saving account) di Bank Pertanian Malaysia, Johor Bahru. Kadar faedah ialah 9% setahun dan jumlah \$12,000 ini dikekalkan sehingga 30 Jun, 1990.
- 1/6/1989 - simpan \$8,000 dalam akaun simpanan (saving account) di Singapore Development Bank (di Singapura). Kadar faedah adalah 5% setahun dan jumlah \$8,000 ini dikekalkan sehingga 30 April, 1990. Apabila akaun ini dibuka, Encik Hanifa menggunakan alamat kawan beliau di Johor Bahru. Oleh yang demikian segala faedah dikirim kepada beliau di Johor.

Jurung Co. Ltd. di Singapura merupakan sebuah syarikat yang dikawal oleh Encik Hanifa, isteri beliau serta rakan-rakan beliau. Ahli-ahli Lembaga Pengarah terdiri dari empat orang sahaja iaitu Encik Hanifa, isteri beliau Puan Bainon serta dua orang rakyat Malaysia, Encik Zubir dan Dato' Khalid. Encik Hanifa dan isteri tinggal di Singapura, manakala Encik Zubir dan Dato' Khalid tinggal di Johor Bahru. Mesyuarat Lembaga Pengarah Jurung Co. Ltd. selalunya diadakan di Singapura. Bagaimanapun telah didapati bahawa Encik Hanifa dan isteri berada di Johor Bahru dari 20 Mac, 1989 hingga 25

...6/-

AKU 402

Mac, 1989 dan juga dari 1 Oktober, 1989 hingga 15 Oktober, 1989 untuk bermesyuarat dengan Encik Zubir dan Dato' Khalid tentang hal-hal syarikat Jurung Co. Ltd. Selain dari dua mesyuarat ini, lain-lain mesyuarat Lembaga Pengarah Jurung Co. Ltd. tidak pernah diadakan di Malaysia.

Berikut adalah dividen yang Encik Hanifa menerima dari Syarikat Jurung Co. Ltd.:

September, 1988	:	\$1,300
Februari, 1989	:	\$1,875
Oktober, 1989	:	\$2,600

Perhatian: Semua dividen dibayar tanpa diikat oleh Jurung Co. Ltd. Dividen semuanya dikirim ke Malaysia oleh Encik Hanifa.

Encik Hanifa juga memiliki dua buah rumah kediaman dan butir-butirnya adalah seperti berikut:

	Rumah (di Melaka)	Rumah (di Johor)
Tarikh dibeli	1985	1988
Pinjaman perumahan untuk membeli rumah:		
Baki pinjaman pada 1/1/1987	\$150,000	-
Baki pinjaman pada 1/1/1988	\$120,000	\$ 90,000
Baki pinjaman pada 1/1/1989	\$100,000	\$ 80,000
Kadar faedah pinjaman tahunan	15%	12%
Cukai pintu & cukai tanah tahunan	\$ 1,500	\$ 1,000
Premium insurans kebakaran setahun:		
atas rumah	\$ 1,000	\$ 1,000
atas perabut	\$ 500	\$ 200
Kos pembaikan (pada tahun 1988)	\$ 9,000	-
Kos kerja untuk meluaskan sebuah bilik (pada tahun 1989)	-	\$ 20,000
Sewa ekonomi tahunan	\$ 12,000	\$ 9,000
		...7/-

AKU 402

Pinjaman perumahan adalah dari Public Bank (di Johor) untuk membeli rumah di Johor dan dari Tat Ming Bank (di Singapura) untuk membeli rumah di Melaka. Tat Ming Bank tidak bermastautin di Malaysia.

Walaupun Encik Hanifa dan isteri beliau tinggal di Singapura, rumah di Johor dan Melaka diduduki oleh anak-anak mereka yang masih bersekolah di Malaysia.

Dikehendaki:

- (a) Bagi tahun taksiran 1988, 1989 dan 1990, tentukan pendapatan kasar serta pendapatan berkanun yang diperolehi oleh Encik Hanifa dari setiap punca yang berkenaan, dan sebutkan sama ada pendapatan-pendapatan yang berkenaan adalah bercukai, tidak bercukai atau dapat dikecualikan dari cukai dengan memberi alasan-alasannya.
- (b) Nasihatkan Encik Hanifa sekiranya perlu terhadap hak beliau serta kewajipan beliau (di bawah Akta Cukai Pendapatan) yang berkaitan dengan pengecualian dan juga yang berkaitan dengan bayaran faedah atas pinjaman perumahan.
- (c) Nasihatkan pihak-pihak pembayar terhadap kewajipan-kewajipan mereka (di bawah Akta Cukai Pendapatan) apabila mereka menyerahkan bayaran (faedah dan dividen) kepada Encik Hanifa pada tahun asas 1987, 1988 dan 1990.

[28 markah]

3. Berikut adalah aset-aset yang dibeli oleh Tanjung Bunga Sdn. Bhd. untuk kegunaan perniagaannya:

Kereta Volvo, yang tidak dileSENKEN sebagai kenderaan komersial. Harganya adalah \$75,000 dan ianya dibeli pada bulan Julai, 1987. Adalah didapati dan disetujui bahawa hanya 30% pada kemudahan kenderaan ini adalah untuk kegunaan perniagaan. Kereta ini kemudian telah dijual pada bulan September, 1989 dengan harga \$60,000. (Andaikan kadar elauN tahunan = 10%).

...8/-

AKU 402

Kereta Toyota, yang tidak dilesenkan sebagai kenderaan komersial. Kereta ini dibeli pada bulan Oktober, 1987 secara sewa-beli. Harga tunai adalah \$53,400 manakala harga sewa-beli adalah \$57,000. Bayaran pendahuluan sebanyak \$15,000 dibayar pada bulan November, 1987, dan bakinya (\$42,000) dibayar secara bulanan untuk 24 bulan (\$1,750 sebulan), bayaran bulanan pertama adalah mula pada bulan Disember, 1987. (Andaikan kadar elaun tahun = 15%).

Sebuah komputer (IBM) yang dibeli pada bulan Februari, 1987 dengan harga \$40,000. Kos menyediakan tapak untuk memasang komputer ini ialah \$5,000 dan ianya hanya siap dipasang pada bulan Mei, 1987 dan mula digunakan pada bulan Julai, 1987. (Andaikan kadar elaun tahunan = 12%).

Pada bulan Jun, 1983 Tanjung Bunga Sdn. Bhd. membina sebuah bangunan untuk digunakan sebagai kilang dan pejabat pentadbiran. Kos yang berkaitan dengan pembinaan adalah seperti berikut:

Kos tanah	\$ 500,000
Yuran guaman (berkaitan dengan pembelian tanah)	\$ 5,000
Kos merubahkan sebuah rumah kediaman di tapak pembinaan)	\$ 30,000
Kos pembinaan	\$1,600,000
Yuran akitek	\$ 20,000

Bangunan ini hanya siap dibina pada bulan Ogos, 1985 dan digunakan sebagai kilang dan pejabat. Adalah didapati bahawa 8% pada ruang kawasan bangunan adalah digunakan sebagai pejabat. Bangunan ini kemudian dijual kepada Teluk Acheh Sdn. Bhd. pada bulan November, 1988 dengan harga \$2,700,000 di mana \$700,000 adalah harga untuk tanah, dan \$2,000,000 adalah harga bangunan.

Teluk Acheh Sdn. Bhd. juga menggunakan bangunan ini sebagai kilang dan pejabat, tetapi adalah didapati bahawa 15% pada ruang kawasan bangunan adalah digunakan sebagai pejabat.

Tempoh perakaunan Tajung Bunga Sdn. Bhd. berakhir pada 30 April, setiap tahun manakala tempoh perakaunan Teluk Acheh Sdn. Bhd. berkahir pada 30 September setiap tahun.

Dikehendaki:

Bagi setiap tahun taksiran yang berkenaan sehingga tahun taksiran 1990 tentukan jumlah elaun modal, elaum imbangan, caj imbangan (sekiranya ada) serta elaun bangunan perindustrian untuk Tanjung Bunga Sdn. Bhd. dan Teluk Acheh Sdn. Bhd.

[17 markah]

Bahagian B

Jawab TIGA soalan sahaja.

4. Huraikan ciri-ciri dagangan (atau "badges of trade") dengan memberi kes-kes yang berkaitan (sekiranya perlu).

[10 markah]

5. Huraikan prosedur-prosedur terhadap rayuan sehingga peringkat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

[10 markah]

6. Huraikan keadaan-keadaan di mana pendapatan pengajian pada keseluruhannya boleh dapat dikecualikan dari cukai pendapatan.

[10 markah]

7. Huraikan keadaan-keadaan:

- (a) di mana taksiran bersama harus diadakan bagi pasangan suami isteri; dan
(b) di mana taksiran berasingan boleh diadakan bagi pasangan suami isteri.

[10 markah]

...10/-

- 10 -

AKU 402

8. Huraikan keadaan-keadaan di mana seorang individu layak menjadi pemastautin di bawah Seksyen 7(1)(b), Akta Cukai Pendapatan 1967.

[10 markah]

...11/-

LAMPIRAN I

KADAR CUKAI

1. Kadar cukai individu

(a) Kadar cukai pendapatan yang boleh dikenakan ke atas individu yang bermastautin adalah seperti berikut:

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	Kadar	Cukai
\$	\$	\$
Ke atas setiap ringgit yang pertama	2,500	5
Ke atas setiap ringgit yang berikut	2,500	8
	5,000	325
Ke atas setiap ringgit yang berikut	5,000	12
	10,000	600
Ke atas setiap ringgit yang berikut	10,000	15
	20,000	1,500
Ke atas setiap ringgit yang berikut	15,000	20
	35,000	2,425
Ke atas setiap ringgit yang berikut	15,000	30
	50,000	3,000
Ke atas setiap ringgit yang berikut	20,000	35
	70,000	3,750
Ke atas setiap ringgit yang berikut	30,000	40
	100,000	9,175
Ke atas setiap ringgit yang berikut	20,000	30
	70,000	6,000
Ke atas setiap ringgit yang berikut	30,000	35
	100,000	15,175
Ke atas setiap ringgit yang berikut	100,000	10.500
		25,675
Ke atas setiap ringgit yang berikut	100,000	40

0000000000